



# MENCUBA LEBIH BAIK DARIPADA MENYANGKAL

Oleh Yusaida Yusof

**“M**ENCUBA lebih baik daripada menyangkal

dan biar jasa jadi kenangan.” Itulah moto yang sentiasa tersemat di jiwa Pendayung Kayak Solo Negara, Murad Mohd Kassim. Dilahirkan pada 13 Mac 1970 di Kampung Merua, Parit, Perak, Murad aktif dalam sukan olahraga sejak zaman remaja lagi. Hasilnya, beliau dinobatkan sebagai Olahragawan Sekolah Menengah Iskandar Shah, Parit, Perak pada tahun 1986. Minatnya sebagai ahli sukan

diteruskan walaupun pada ketika itu beliau berkhidmat di 18 RAMD Kem Seberang Takir, Terengganu dan Unit Cobat Intelligent Squard pada tahun 1991. Murad turut menyertai sukan menembak dan muncul sebagai seorang penembak profesional serta sentiasa terlibat dengan beberapa aktiviti sukan yang lain. Beliau yang berjiwa kental ini mula menyertai bidang ketenteraan pada tahun 1989, yang sebelum itu menyertai Pasukan Kadet Bersatu Malaysia ketika di bangku sekolah.

Murad berjaya mencatatkan namanya dalam The Malaysia Book of Records.



Mengimbu kembali zaman persekolahannya, Murad pernah mengalami kegagalan dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Oleh itu, beliau gagal untuk meneruskan pengajian seperti rakannya yang lain. Walau bagaimanapun, beliau tidak mudah patah semangat dan mengambil semula peperiksaan itu secara persendirian. Beliau terpaksa membuat pelbagai kerja untuk menampung kos tersebut dan hanya belajar sendiri ketika ada waktu terluang. Akhirnya, Murad memperoleh Pangkat 2 dalam peperiksaan SPM itu.

“Pada tahun 1996, saya sekali lagi mengambil peperiksaan SPM ketika masih berkhidmat dalam tentera. Alhamdulillah, akhirnya usaha saya itu membuahkan hasil dan saya memperoleh Pangkat 1 seperti yang diidam-idamkan,” ujar Murad, ayah kepada tiga orang cahaya mata ini.

Pada tahun 1998 hingga 2001, Murad juga ditawarkan oleh Angkatan Tentera Malaysia (ATM) untuk melanjutkan pelajarannya di Maktab Perguruan Temenggong Ibrahim, Johor Bahru dalam Diploma Perguruan Matematik dan Pendidikan Jasmani. Di situlah titik permulaan buat Murad mengenali kayak dengan lebih dekat.

Murad mula bergiat aktif dalam sukan berkayak setelah

Murad (duduk yang kedua dari kiri) ketika di darjah enam pada tahun 1982.



bersara dari ATM pada 23 Jun 2010. Sejak itu, beliau mengusahakan Kem Rekreasi yang dinamakannya, Kem REKUDA (Rekreasi Kubang Udang) di Kampung Kubang Udang, Manong, Perak. Dengan kepakaran yang dimiliki, beliau ditawarkan untuk menjadi Jurulatih

Kayak separuh masa di Universiti Teknologi MARA Seri Iskandar dan Universiti Sultan Azlan Shah (USAS), Kuala Kangsar sehingga kini.

Pada masa yang sama, beliau juga merupakan Jurulatih Rekreasi Kebangsaan, Jurulatih Kayak Malaysia, Jurulatih dan Penyelamat Malaysia (*International Life Saving*) dan Jurulatih Kokurikulum Kayak di USAS. Pada tahun 2010, Murad mula bergerak aktif dalam arena sukan berkayak secara solo. Sehingga kini beliau berjaya melaksanakan 10 misi solo dan berjaya mencatatkan namanya dalam The Malaysia Book of Records.

“Sejarah penglibatan saya dalam aktiviti berkayak sebenarnya bermula dengan latar kehidupan saya yang membesar dengan keindahan Sungai Perak. Di situ, banyak kemahiran yang saya peroleh secara langsung dan tidak langsung seperti berenang, menyelam, menembak ikan, memancing, berakit batang pisang dan bersampan,” jelas Murad lagi.





Murad (duduk yang keempat dari kanan) ketika di tingkatan lima pada tahun 1987.



Murad (berdiri paling kiri) ketika di tingkatan empat pada tahun 1986.

Kemahiran tersebut kemudiannya berkembang ketika beliau mengikuti pengajian di Maktab Perguruan Temenggong Ibrahim. Menurut Murad, beliau amat teruja dengan ekspedisi kayak pertamanya dari Pantai Lido ke Sungai Melayu pada tahun 1998. Minat merupakan tunjang untuknya menceburi aktiviti berkayak. Keberanian juga satu kemestian yang perlu ada dalam diri setiap individu, juga kekuatan mental dan selain kemahiran dan ilmu perairan.

Menurut Murad lagi, ada dua cabaran yang perlu dihadapi ketika berkayak, iaitu cabaran semula jadi dan cabaran dalaman. Cabaran semula jadi termasuklah dari tasik, lombong, air terjun, sungai dan laut. Kemudian, disusuli dengan ombak yang menggulung, beting berlumpur, paya bakau, ribut petir, berhadapan dengan lintasan kapal besar dan

Murad melakukan dayungan Legenda Arus Sungai Perak (Menongkah Arus 350 km dari Beting Beras Basah ke Tasik Banding).




ancaman spesies buaya air masin di muara.

Bagi Murad, cabaran dalaman juga memberikannya semangat


baharu dan sentiasa berusaha untuk meneruskan minatnya sebagai pendayung kayak solo negara. Stigma negatif masyarakat masih menebal dan masih memandang rendah dan memperkotak-katikkan sukan kegemarannya itu.

“Namun begitu, saya ketepikan persepsi masyarakat itu kerana fitrah manusia lebih suka menyangkal daripada melakukan sesuatu. Buang prasangka buruk itu dari fikiran kerana jika hal itu bersarang di hati, pelbagai persoalan dan perasaan takut akan menghantui diri,” nasihat Murad agar seseorang

Ekspedisi Bacaton Kayak (Menyusuri Sungai Perak – dari Pulau Misa, Bota ke Teluk Intan).



## PENCAPAIAN

BIL.	TAHUN	KEJAYAAN
1.	2010	Kayak Solo Pulau Pinang ke Pulau Pangkor – Santai Komando (Rekod Peribadi).
2.	2015 (1436H)	Berakit Solo Aidilfitri 1436H bersempena dengan program “Junjungan Tahniah” Paduka Sri Sultan Perak Darul Ridzuan yang telah selamat ditabalkan (Rekod Peribadi).
3.	Januari 2014	Misi 1: Renangan Solo Comando Float Amphibian Sungai Perak Kuala Kangsar – Pasir Salak (Rekod Peribadi).
4.	31 Ogos 2014	Misi 2: Kayak Solo Survivor Down River 24 Hours (Sungai Perak) Empangan Chenderoh – Teluk Intan untuk dokumentari TV1, Kemerdekaan ke-57.
5.	Disember 2014	Misi 3: Kayak Solo <i>Upstream</i> (Sungai Perak) Teluk Intan – Kuala Kangsar semasa banjir melanda negeri Perak.
6.	1 April 2015 – 22 Mei 2015	Misi 4: XPDC Kelab Explorasi 7 Benua Malaysia (Ke-7b) Kayak Solo mengelilingi Semenanjung Malaysia selama 52 Hari.
7.	28 Februari 2016 – 13 Mac 2016	Misi 5: Dayungan “Jejak Pahlawan” dari Kuala Kangsar ke Pusat Latihan Asas Tentera Darat (PUSASDA), Port Dickson.
8.	28 – 31 April 2016	Misi 6: Dayungan “Perak Aman Jaya” Empangan Chenderoh ke Bagan Datoh.
9.	14 – 20 Disember 2016	Jemputan Khas Republik Indonesia untuk berkongsi pengalaman sebagai seorang pendayung <i>Real Solo Kayaker Malaysia</i> untuk melatih bakal <i>Real Solo Kayaker</i> Indonesia. Perkongsian dengan menawan Tasek Danau Toba. Rakyat Malaysia Pertama menawan Danau Toba.
10.	6 – 13 Mac 2017	Misi 7: Pengujian Fissot Kayak daripada Syarikat Shanghai China Chenderoh – Teluk Intan dan <i>upsteram</i> ke Kuala Kangsar.
11.	1– 3 Ogos 2017	Misi 8: XPDC MCMC – Kayak Solo mengelilingi Pulau Pinang.
12.	4 – 7 November 2017	Misi 9: Menawan Pantai Perairan dan Teluk Negara Brunei Darussalam.
13.	2019	Misi 10: Dayungan Legenda Arus Sungai Perak 2019 menongkah arus dari beting Beras Basah, Bagan Datuk ke Tasek Banding, Gerik, Perak (350km). Dicatatkan dalam The Malaysia Book of Records. 

itu melengkapkan diri dengan kemahiran pengendalian kayak. Baginya, aspek rohani juga perlu kuat dan jangan abaikan hubungan dengan Tuhan kerana Dialah yang akan membantu kita apabila berseorangan ketika berkayak.

Bagi yang berminat mengikuti aktiviti sukan berkayak ini, Murad berpesan agar remaja khususnya, generasi Z perlu berfikir dahulu sebelum melakukan sesuatu. Bertindaklah setelah berfikir. Dapatkan pandangan daripada pelbagai pihak jika ingin melakukan sesuatu perkara. Setelah itu, bolehlah lakukannya dengan penuh keazaman demi mencapai objektifnya. Sebaliknya jika sesuatu yang hendak dilakukan itu bertentangan dengan budaya dan akidah kita, maka tinggalkannya dengan serta-merta.

“Dalam dunia kayak, jelajah kayak solo pada peringkat dunia rata-ratanya mempamerkan golongan yang berusia sehingga ada yang disertai oleh warga emas. Oleh itu, saya ingin mencabar golongan remaja agar berani menyahut cabaran untuk jelajah berkayak secara solo. Semoga ada generasi muda yang akan meneruskan legasi saya ini,” ujar Murad dengan harapan dan semangat.

